

PELAKSANAAN SEKOLAH WAWASAN: MEMENUHI KEPERLUAN KEPELBAGAIAN PELAJAR DAN PERPADUAN KAUM

*Mohd Izham Hj. Mohd Hamzah
Jamalullail Abdul Wahab*

*Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia*

ABSTRAK

Penubuhan Sekolah Wawasan bertujuan untuk mengeratkan perpaduan dan integrasi kaum di peringkat umur muda iaitu di sekolah-sekolah rendah. Walaupun kini sudah terdapat beberapa buah Sekolah Wawasan di Malaysia sekarang ini; kewujudannya secara menyeluruh akan membolehkan pelajar-pelajar dari tiga aliran vernakular yang berbeza untuk berkenalan, berkomunikasi serta bergaul sejak di bangku sekolah bagi melahirkan generasi bangsa Malaysia yang toleran dan kuat. Terdapat kebimbangan, prasangka dan tanggapan negatif di kalangan masyarakat yang berlandaskan perkauman tentang semangat dan matlamat Sekolah Wawasan itu sendiri. Sehubungan itu, kertas kerja ini akan mengupas peranan yang boleh dimainkan dari aspek pengajaran dan pembelajaran terutamanya dari segi mengoptimalkan sumber di ketiga-tiga sekolah tersebut bagi menampung kepelbagaian pelajar. Sepertimana yang diketahui terdapat kekuatan dan kelemahan yang berbeza-beza di ketiga-tiga aliran tersebut. Segala kekuatan dan elemen-elemen positif di salah sebuah sekolah boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan pencapaian pelajar di sekolah yang lain dalam Sekolah Wawasan.

PENGENALAN

Sekolah Wawasan ditubuhkan untuk membentuk bangsa Malaysia yang bersatu padu, bekerja sama serta hidup harmonis antara berbilang kaum di negara ini. Hasrat yang murni ini adalah cabaran paling utama dalam usaha Malaysia untuk merealisasikan Wawasan 2020. Matlamat Sekolah Wawasan adalah untuk mencapai perpaduan kaum khususnya di kalangan pelajar sekolah melalui perkongsian prasarana dan kemudahan sekolah dan aktiviti sekolah secara bersama. Sekolah ini juga dapat mewujudkan interaksi yang meluas antara semua warga sekolah yang terdiri daripada berbilang kaum dan agama di samping dapat memupuk semangat persefahaman dan toleransi. Integrasi yang dimaksudkan bukan sahaja bersifat fizikal sahaja tetapi lebih menitikberatkan pemupukan sikap-sikap dan amalan-amalan positif seperti bekerjasama dan saling faham memahami serta hormat menghormati antara murid yang berlainan kaum dan agama. Apa yang lebih penting di sini kewujudan Sekolah Wawasan adalah untuk membolehkan semua sumber digunakan secara optimum dan meliputi kepelbagaian pelajar. Segala kekuatan dan kelebihan yang didapati dari sesebuah sekolah dari aliran yang berbeza ini dapat di kecapi bersama oleh sekolah-sekolah lain untuk menampung kepelbagaian pelajar yang wujud.

Konsep Sekolah Wawasan

Sekolah Wawasan bertujuan untuk memenuhi hasrat murni kerajaan meningkatkan perpaduan antara kaum. Sekolah integrasi ini berpegang kepada konsep belajar bersama-sama di bawah satu bumbung atau satu kawasan yang sama tanpa mengira kaum dan agama. Konsep ini bermaksud dua atau tiga buah sekolah yang berlainan aliran dan pentadbiran dibina dalam kawasan yang sama dan berkongsi kemudahan-kemudahan asas seperti padang permainan, dewan, pusat sumber, bilik komputer, kantin dan sebagainya. Sekolah Wawasan juga melaksanakan secara bersama berbagai aktiviti sekolah seperti perhimpunan mingguan, aktiviti kokurikulum, temasya sukan sekolah, Hari Kecemerlangan Pelajar, Hari Kantin dan sebagainya. Perkongsian kawasan, kemudahan sekolah dan pelaksanaan berbagai-bagai aktiviti ini memungkinkan usaha-usaha penerapan nilai-nilai masyarakat majmuk

serta memupuk semangat persefahaman dan toleransi antara kaum, khususnya di kalangan murid-murid sekolah sejak di peringkat sekolah rendah lagi.

Ciri-ciri Sekolah Wawasan

Jika dilihat dari konsep yang dinyatakan, sebuah Sekolah Wawasan mempunyai beberapa ciri-ciri yang istimewa seperti berikut :

1. Setiap aliran diketuai oleh Guru Besar dengan salah seorang daripada mereka bertindak sebagai penyelaras di antara aliran-aliran tersebut.
2. Sekolah ini mempunyai kemudahan bersama seperti padang, kantin, tandas, bilik guru, perpustakaan, Bilik Operasi SPBT, Bilik Sains, Bilik Kemahiran Hidup, Bilik Tayangan, Bilik Mesyuarat, Stor Pendidikan Jasmani, Pejabat dan lain-lain.
3. Pelaksanaan secara bersama aktiviti-aktiviti seperti perhimpunan mingguan, kegiatan kokurikulum, Temasya Sukan Tahunan, Hari Penyampaian Hadiah, Hari Kantin dan sebagainya.
4. Bahasa rasmi di luar bilik darjah ialah Bahasa Malaysia.

TUJUAN KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sumber pengajaran dan pembelajaran yang boleh dioptimumkan penggunaannya bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Wawasan.

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti:

1. Sejauh mana keperluan penubuhan Sekolah Wawasan dari persepsi guru-guru.
2. Matlamat penubuhan Sekolah Wawasan dari persepsi guru-guru.
3. Sejauh mana keperluan mengadakan kerjasama dalam pengajaran dan pembelajaran antara guru-guru untuk meningkatkan keberkesanan kaedah pengajaran guru dan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Wawasan.
4. Jenis kerjasama dalam pengajaran dan pembelajaran antara guru-guru untuk meningkatkan keberkesanan kaedah pengajaran guru dan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Wawasan.

5. Sejauh mana keperluan mengadakan kerjasama dalam pembelajaran antara pelajar-pelajar untuk meningkatkan keberkesanan kaedah pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Wawasan.
6. Jenis kerjasama dalam pembelajaran antara pelajar-pelajar untuk meningkatkan keberkesanan kaedah pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Wawasan.
7. Sejauh mana keperluan mengadakan kerjasama dalam bidang kokurikulum di Sekolah Wawasan.
8. Jenis kerjasama dalam bidang kokurikulum di Sekolah Wawasan.

POPULASI DAN KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara tinjauan di sebuah Sekolah Wawasan di Negeri Johor, Darul Takzim. Semua guru di Sekolah Wawasan ini iaitu seramai 22 orang (populasi) guru telah dijadikan responden dalam kajian ini. Soal selidik secara tertutup dan terbuka telah digunakan sebagai instrumen kajian. Sesi temu bual juga dijalankan terhadap ketiga-tiga Guru Besar iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Kebangsaan India di Kompleks Sekolah Wawasan.

DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA

Keperluan dan Matlamat Penubuhan Sekolah Wawasan

Kajian ini mendapati seramai 22 (100%) responden menyatakan Sekolah Wawasan perlu ditubuhkan. Jadual 1 menunjukkan persepsi responden terhadap matlamat penubuhan Sekolah Wawasan mengikut kekerapan responden.

Jadual 1 menunjukkan matlamat penubuhan Sekolah Wawasan yang disusun mengikut kekerapan responden. Terdapat 9 matlamat penubuhan Sekolah Wawasan mengikut persepsi guru iaitu (i) meningkatkan perpaduan antara kaum (100%); (ii) memupuk toleransi antara kaum (95.5%); (iii) bekerja sama serta hidup harmoni (90.9%); (iv) meningkatkan kemahiran sosial pelajar (86.4%); (v) perkongsian kawasan dan kemudahan sekolah (81.8%); (vi) menampung keperluan kepelbagaian

PELAKSANAAN SEKOLAH WAWASAN: MEMENUHI KEPERLUAN
KEPELBAGAIAN PELAJAR DAN PERPADUAN KAUM

Jadual 1: Matlamat penubuhan Sekolah Wawasan mengikut
kekerapan responden

Bil.	Item	Peratus	Kekerapan
1.	Meningkatkan perpaduan antara kaum	100	22
2.	Memupuk toleransi antara kaum	95.5	21
3.	Bekerjasama serta hidup harmoni	90.9	20
4.	Meningkatkan kemahiran sosial pelajar	86.4	19
5.	Perkongsian kawasan dan kemudahan sekolah	81.8	18
6.	Menampung keperluan kepelbagaian pelajar	72.7	16
7.	Meningkatkan moral pelajar	68.2	15
8.	Meningkatkan pencapaian akademik pelajar	45.5	10
9.	Menjimatkan perbelanjaan dan tenaga	4.54	1

pelajar (72.7%); (vii) meningkatkan moral pelajar (68.2%); (viii) meningkatkan pencapaian akademik pelajar (45.5%); dan (ix) menjimatkan perbelanjaan dan tenaga (4.54%).

Keperluan dan Jenis Kerjasama dalam Pengajaran dan Pembelajaran untuk Meningkatkan Pencapaian Akademik Pelajar

Seramai 20 (90.9%) responden berpendapat pencapaian akademik pelajar di ketiga-tiga buah sekolah (Sekolah Wawasan) dalam subjek-subjek tertentu boleh ditingkatkan melalui kerjasama pengajaran dan pembelajaran antara guru-guru. Jadual 2 menunjukkan pelbagai jenis kerjasama dalam pengajaran dan pembelajaran bagi subjek-subjek tertentu mengikut persepsi responden.

Jadual 2 menunjukkan jenis kerjasama pengajaran dan pembelajaran yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar dalam subjek tertentu dari persepsi guru.

Dalam subjek Bahasa Melayu, responden telah menyatakan persepsi mereka terhadap jenis kerjasama pengajaran dan pembelajaran yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Jadual 2 menunjukkan kekerapan responden paling tinggi

Jadual 2: Jenis kerjasama pengajaran dan pembelajaran dalam subjek-subjek tertentu untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar mengikut kekerapan responden

Kerjasama Pengajaran dan Pembelajaran	Bahasa Melayu %	Bahasa Inggeris %	Matematik %	PJK %	Lain-lain %
Kaedah Pengajaran	63.6(14)	27.3(6)	13.6(3)	27.3(6)	–
Penggunaan BBM / ABM	59.1(13)	31.8(7)	22.7(5)	13.6(3)	4.5(1)
Penggunaan Multimedia	63.6(14)	40.9(9)	36.4(8)	9.1(2)	–
Guru Ganti	81.8(18)	27.3(6)	22.7(5)	13.6(3)	9.1(2)
Mendapat tunjuk ajar guru-guru dari sekolah lain mengenai kemahiran kaedah mengajar	54.5(12)	18.2(4)	27.3(6)	9.1(2)	9.2(2)
Mendapat tunjuk ajar guru-guru dari sekolah lain mengenai kemahiran komunikasi	54.5(12)	22.7(5)	13.6(3)	9.1(2)	18.0(4)
Mendapat tunjuk ajar guru-guru dari sekolah lain mengenai kemahiran mengawal kelas	40.9(9)	13.6(3)	13.6(3)	4.5(1)	9.1(2)
Mendapat tunjuk ajar guru-guru dari sekolah lain mengenai kemahiran menggunakan BBM	50.0(11)	22.7(5)	27.3(6)	4.5(1)	9.1(2)
Mendapat tunjuk ajar guru-guru dari sekolah lain mengenai kemahiran menggunakan multimedia	59.1(13)	27.3(6)	31.8(7)	4.5(1)	–
Mendapat tunjuk ajar guru-guru dari sekolah lain mengenai kemahiran KBKK	50.0(11)	22.7(5)	22.7(5)	–	–

PELAKSANAAN SEKOLAH WAWASAN: MEMENUHI KEPERLUAN
KEPELBAGAIAN PELAJAR DAN PERPADUAN KAUM

Mendapat tunjuk ajar guru-guru dari sekolah lain mengenai kemahiran mengajar pelajar lambat	45.5(10)	22.7(5)	27.3(6)	—	—
Mendapat tunjuk ajar guru-guru dari sekolah lain mengenai kemahiran mengajar pelajar pintar	45.5(10)	13.6(3)	18.2(4)	4.5(1)	—

terhadap jenis kerja sama pengajaran dan pembelajaran iaitu menerusi guru ganti (81.8%), kaedah pengajaran (63.6%), penggunaan multimedia (63.6%), penggunaan BBM (59.1%) dan mendapatkan tunjuk ajar dari guru-guru sekolah lain mengenai kemahiran menggunakan multimedia (59.1%).

Dari Jadual 2 mendapati dalam subjek Bahasa Inggeris, kerjasama dalam penggunaan multimedia (40.9 %) dan penggunaan BBM (31.8%) merupakan kerjasama pengajaran dan pembelajaran yang mendapat kekerapan responden paling tinggi berbanding dengan yang lain.

Begitu juga yang mendapat kekerapan paling tinggi dalam subjek Matematik, jenis kerjasama melalui penggunaan multimedia (36.4%) dan mendapatkan tunjuk ajar dari guru-guru sekolah lain mengenai kemahiran menggunakan multimedia (31.8%); dalam subjek PJK, kaedah pengajaran (27.3%) dalam lain-lain subjek, mendapatkan tunjuk ajar dari guru-guru sekolah lain mengenai kemahiran berkomunikasi (18%).

Keperluan dan Jenis Kerjasama dalam Pengajaran dan Pembelajaran untuk Meningkatkan Keberkesanan Pengajaran Guru

Dapatan kajian menunjukkan seramai 22 (100%) responden menyatakan keberkesanan kaedah pengajaran guru-guru di Sekolah Wawasan dalam subjek-subjek tertentu boleh ditingkatkan melalui kerjasama pengajaran dan pembelajaran antara guru di ketiga-tiga buah sekolah. Jadual 3 menunjukkan jenis kerjasama pengajaran dan pembelajaran yang boleh dilaksanakan dalam subjek-subjek tertentu mengikut kekerapan responden.

Jadual 3: Jenis kerjasama pengajaran dan pembelajaran dalam subjek-subjek tertentu untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran guru mengikut kekerapan responden

Kerjasama Pengajaran dan Pembelajaran	Bahasa Melayu %	Bahasa Inggeris %	Matematik %	PJK %	Lain-lain %
Mencerap guru sekolah lain mengajar	63.6(14)	45.5(10)	18.2(4)	4.5(1)	9.1(2)
Berbincang dengan guru sekolah lain	90.9(20)	68.2(15)	59.1(13)	9.1(2)	4.5(2)
Meminta guru sekolah lain mencerap pengajaran saya	40.9(9)	13.6(3)	13.6(3)	13.6(3)	31.8(7)
Mengundang guru sekolah lain	50(11)	27.3(6)	18.2(4)	13.6(3)	36.4(8)
Melaksanakan pengajaran secara bersama (kolaboratif) dengan guru sekolah lain	63.5(14)	36.4(8)	22.7(5)	13.6(3)	36.4(8)
Mendapat tunjuk ajar / bimbingan dari guru sekolah lain tentang kaedah pengajaran berkesan	68.2(15)	36.4(8)	40.9(9)	18.2(4)	36.4(8)
Mendapat tunjuk ajar / bimbingan dari guru lain tentang kaedah penggunaan BBM / ABM yang berkesan	77.3(17)	45.5(10)	50.0(11)	18.2(4)	36.4(8)

Jadual 3 menunjukkan jenis kerjasama pengajaran dan pembelajaran yang mendapat paling tinggi kekerapan responden ialah melalui berbincang dengan guru sekolah lain: dalam subjek Bahasa Melayu (90.9%), Bahasa Inggeris (68.2%) dan Matematik (59.1%).

Jenis Kerjasama dalam Pembelajaran untuk Meningkatkan Keberkesanan Kaedah Pembelajaran dan Pencapaian Akademik Pelajar

Dapatan kajian mendapati seramai 22 (100%) responden berpendapat keberkesanan kaedah pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Wawasan dalam subjek-subjek tertentu boleh ditingkatkan melalui kerjasama pembelajaran antara ketiga-tiga buah sekolah. Jadual 4 menunjukkan jenis kerjasama tersebut dalam subjek-subjek tertentu mengikut kekerapan responden.

Jadual 4: Jenis kerjasama dalam pembelajaran untuk meningkatkan keberkesanan kaedah pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar mengikut kekerapan responden

Kerjasama pembelajaran	Bahasa Melayu %	Bahasa Inggeris %	Matematik %	PJK %	Lain-lain %
Pembelajaran secara bersama rakan sebaya dari sekolah yang berlainan dijalankan	72.7(16)	50(11)	27.3(6)	9.1(2)	31.8(7)
Perbincangan yang berkaitan dengan pembelajaran ada dijalankan antara pelajar dari sekolah yang berlainan	45.5(10)	31.8(7)	22.7(5)	9.1(2)	9.1(2)
Mengadakan kerjasama antara pelajar di mana pelajar dari sekolah lain mengikuti kelas saya (kelas tambahan)	40.9(9)	18.2(4)	9.1(2)	9.1(2)	18.2(4)
Mengadakan Kem Kecemerlangan bersama	9.1(2)	—	—	—	—

Dari Jadual 4 menunjukkan kerjasama melalui pembelajaran secara bersama rakan sebaya dari sekolah yang berlainan menerima kekerapan responden yang paling tinggi berbanding jenis kerjasama pembelajaran

yang lain. Dalam subjek Bahasa Melayu (72.7%), Bahasa Inggeris (50%), Matematik (27.3%) dan lain-lain subjek (31.8%).

Keperluan dan Jenis Kerjasama dalam Bidang Kokurikulum

Dapatan kajian menunjukkan seramai 22 (100%) responden menyatakan kerjasama dalam bidang kokurikulum perlu diadakan antara ketiga-tiga buah sekolah dalam Sekolah Wawasan. Jadual 5 menunjukkan jenis kerjasama dalam bidang kurikulum yang disusun mengikut kekerapan dari persepsi guru.

Jadual 5: Jenis kerjasama dalam bidang kokurikulum mengikut kekerapan responden

Kerjasama dalam Kokurikulum	Kekerapan
Berkongsi penggunaan padang	100 (22)
Menyambut Hari Guru bersama	100 (22)
Menjalankan Sukan Tahunan bersama	100 (22)
Berkongsi peralatan sukan, persatuan dan kelab	95.5 (21)
Berkongsi jurulatih / kepakaran	95.5 (21)
Berkongsi penggunaan dewan	95.5 (21)
Menjalankan aktiviti perkhemahan bersama	86.4 (19)
Bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti persatuan	68.2 (15)
Gotong-royong	4.5 (1)

Jadual 5 menunjukkan pelbagai jenis kerjasama dalam bidang kokurikulum yang disusun mengikut kekerapan responden. Dapatan kajian menunjukkan seramai 22 (100%) responden menyatakan kerjasama dalam bidang kokurikulum boleh diadakan melalui berkongsi penggunaan padang dan menyambut Hari Guru bersama. Seramai 21 (95.5%) responden pula berpendapat kerjasama kokurikulum boleh dilaksanakan dengan berkongsi peralatan sukan, persatuan dan kelab, berkongsi jurulatih (kepakaran) dan berkongsi menggunakan dewan.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kesemua guru (100%) yang menjadi responden kajian ini bersetuju dengan penubuhan Sekolah Wawasan. Walaupun kajian ini merupakan satu kajian kes di sebuah Sekolah Wawasan, namun dapatan begini akan memberi kesan yang penting terhadap keperluan penubuhan Sekolah Wawasan.

Dari aspek matlamat penubuhannya, sebahagian besar guru (responden) mempunyai tanggapan tentang matlamat penubuhan Sekolah Wawasan adalah untuk meningkatkan perpaduan, toleransi dan kerjasama antara kaum-kaum di Malaysia. Hanya sebahagian kecil guru (responden) yang dapat melihat matlamat penubuhan Sekolah Wawasan juga boleh meningkatkan pencapaian akademik pelajar dan menjimatkan perbelanjaan / tenaga. (Jadual 1)

Pelajar-pelajar di Sekolah Wawasan terdiri daripada berbagai kaum. Dari sudut akademik, sudah tentu mereka mempunyai tahap kebolehan, kekuatan serta kelemahan yang berbeza dan pelbagai. Justeru kajian ini telah menghasilkan dapatan yang kukuh bahawa pencapaian akademik pelajar di Sekolah Wawasan boleh ditingkatkan dengan mengoptimumkan penggunaan sumber yang terdapat di Sekolah Wawasan seperti kepakaran guru, kemudahan peralatan sains dan multimedia, BBM, bangunan dan sebagainya. (Jadual 2, 3, 4 dan 5)

Penggunaan sumber secara optimum boleh dicapai melalui pelbagai jenis kerjasama dalam pengajaran dan pembelajaran di antara Guru Besar, guru dan murid yang terdapat di ketiga-tiga buah sekolah di Kompleks Sekolah Wawasan. Kerjasama dalam pengajaran dan pembelajaran membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran guru dan keberkesanan pembelajaran murid. Kedua-dua faktor ini akan mendorong ke arah peningkatan pencapaian akademik pelajar.

Melalui kerjasama dalam pengajaran dan pembelajaran tersebut, diharapkan penubuhan Sekolah Wawasan dapat mengatasi masalah kelemahan pencapaian akademik dalam subjek tertentu di ketiga-tiga sekolah iaitu Matematik dan Bahasa Inggeris di SRK, Bahasa Melayu di SRJKC dan SRJKT. Sehubungan itu matlamat penubuhan Sekolah Wawasan hendaklah dilihat secara menyeluruh iaitu di samping faktor perpaduan, tetapi juga dari aspek lain yang sama penting iaitu untuk peningkatan pencapaian akademik pelajar.

RUJUKAN

Ahmad Kamil Mohamed. 2000. Tidak Wajar Tentang Sekolah Wawasan *Utusan Malaysia*. 23 Ogos.

<http://www.cikgu.net.my/berita/> Sekolah Wawasan Harus Diberi Peluang. 2000. 12 Ogos.

<http://www.cikgu.net.my/berita/> Sekolah Wawasan Lurah Bilut Berkesan. 2000. 15 Ogos.

Nor Zainah Nordi. 2000. Sekolah Wawasan Tingkat Akademik. *Utusan Malaysia*, 14 Ogos: 24.

Rosliza Abd Rashid. 2000. Menyemai Perpaduan Di Sekolah. *Utusan Malaysia*.

Sekolah Wawasan Telok Sengat Semai Semangat Kerjasama. 2000. *Utusan Malaysia*, 16 Ogos.

Teacher Education Division, Ministry Of Education. 1982. *The Philosophy Of Teacher Education In Malaysia (Report Of The National Workshop & Survey)*. Kuala Lumpur: Utusan Printcorp.

Wahid Hashim. 2000. Sekolah Wawasan: Tidak Semestinya Tiga Komponen Aliran. *Utusan Malaysia*, 24 Ogos: 2.

Zalina Yahaya. 2000. Sekolah Wawasan: Ubah Sikap Prejudis Dan Pentingkan Diri. *Utusan Malaysia*, 12 Ogos : 2.

Zalina Yahaya. 2000. Sekolah Wawasan: Garis Panduan Fleksibel Dikeluarkan. *Utusan Malaysia*, 16 Ogos: 3